

KEPADA Pengerusi Jawatankuasa Kariah / Khatib / Imam Bertugas
PENGUMUMAN SEBELUM SOLAT JUMAAT 18 SEPTEMBER 2026
PERKARA: HARI TERBUKA MASJID & MAULIDUR RASUL 2026 MASJID SOLATIAH

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sidang Jemaah sekalian,

Masjid Solatiah, Rapat Setia Baru dengan kerjasama Masjid Abdul Rahman 'Auf (MA'ARUF), JPKK Kg Desa Perwira dan Pemuda Rapat Setia akan menganjurkan **Hari Terbuka Masjid & Maulidur Rasul 2026** pada **hari Sabtu, 19 September 2026** bermula **jam 7:30 pagi hingga 6:00 petang** bertempat di **Masjid Solatiah, Rapat Setia Baru Ipoh**.

Program ini merupakan sebuah program komuniti yang menggabungkan aktiviti kerohanian, pendidikan, kesihatan, kekeluargaan dan kemasyarakatan dalam suasana yang santai dan bermanfaat. Program ini diadakan bersempena dengan sambutan Maulidur Rasul, Hari Malaysia dan 10 Tahun Bangunan Baru Masjid Solatiah.

Pelbagai aktiviti menarik menanti anda. Antaranya ialah :

- Briskwalk Sambil Berselawat - berjalan bersama dalam suasana santai sejauh 2KM sambil menyemarakkan kecintaan kepada junjungan Nabi Muhammad SAW.
- Jualan Rahmah Madani (Jualan barangan keperluan harian pada harga rendah dari pasaran)
- Pelbagai Gerai Jualan Usahawan IKS dan produk Muslim
- Pameran Agensi Swasta & NGO seperti Ar-Rahnu YaPEIM, Public Gold, As-Salihin Trustee dan Koperasi Masjid Perak (Upah Pelupusan Al-Quran serendah RM6 sahaja)
- Pemeriksaan Kesihatan Percuma - tekanan darah, indeks jisim badan (BMI) dan konsultasi kesihatan
- Pelbagai pertandingan yang dianjurkan seperti Pertandingan Mewarna, Pertandingan Bercerita, Pertandingan Catur Blitz dan Pertandingan E-Sport. Hadiah menarik menanti anda!

Selain itu, **200 pendaftar awal** program "Briskwalk Sambil Berselawat" layak mendapat **kupon makanan RM5** serta layak menyertai **Cabutan Bertuah**.

Marilah hadir beramai-ramai bersama ahli keluarga dan jiran tetangga ini untuk mendapatkan pelbagai kemudahan, perkhidmatan serta menyertai aktiviti menarik untuk seisi keluarga di masjid ini.

Sekali lagi, temui kami di **Hari Terbuka Masjid & Maulidur Rasul 2026** pada **Sabtu, 19 September 2026**, dari **jam 7.30 pagi hingga 6.00 petang**, bertempat di **Masjid Solatiah, Rapat Setia Baru Ipoh**.

Sekian. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“SULH: MENGEMBALIKAN MAHABBAH, MERUNGKAI KEKUSUTAN KELUARGA”

18 September 2026 / 6 Rabiulakhir 1448

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ الصُّلْحَ خَيْرًا وَفَضْلًا، وَأَمَرَنَا بِالْإِصْلَاحِ بَيْنَ النَّاسِ قَوْلًا وَفِعْلًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ³، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Ilahi

Marilah kita meningkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa berada di bawah rahmat dan keredaan Ilahi. Khatib akan membicarakan khutbah bertajuk: “**SULH: MENGEMBALIKAN MAHABBAH, MERUNGKAI KEKUSUTAN KELUARGA**”

Keluarga merupakan asas pembinaan masyarakat sejahtera. Ikatan perkahwinan yang diakad atas nama Allah SWT ialah perjanjian yang teguh. Namun, kehidupan berumah tangga tidak sunyi daripada ujian, perselisihan faham dan pertelingkahan.

Apabila berlaku krisis rumah tangga yang membawa kepada perceraian, atau timbul pertikaian selepas perceraian, Islam tidak menggalakkan perbalahan berpanjangan yang bakal membuka aib. Sebaliknya, Islam menggalakkan penyelesaian secara Sulh.

Menurut bahasa, Sulh berasal daripada perkataan Arab **صُلْحٌ**, bermaksud perdamaian, penyelesaian, mendamaikan dan memperbaiki hubungan yang retak.

¹ Memuji Allah SWT

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Takwa

Menurut istilah syarak, Sulh ialah persetujuan antara pihak-pihak yang bertikai untuk menamatkan pertikaian secara damai melalui kerelaan, perbincangan dan persetujuan bersama. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Nisa', ayat 128:

وَالصُّلْحُ خَيْرٌ

Maksudnya: "Dan perdamaian itu adalah lebih baik."

Muslimin yang dirahmati Allah

Hukum Sulh asalnya adalah harus, bahkan sangat digalakkan apabila membawa kepada kebaikan, memelihara hubungan, dan menghilangkan persengketaan. Perdamaian bukan bermaksud seseorang mengalah kerana lemah, tetapi memilih kebijaksanaan demi mengelakkan mudarat yang lebih besar. Dalam urusan keluarga, kemenangan sebenar bukanlah apabila satu pihak berjaya mengalahkan pihak lain, tetapi apabila kedua-duanya berjaya keluar daripada sesuatu pertikaian secara damai, hak terpelihara, maruah dijaga dan anak-anak tidak menjadi mangsa.

Oleh itu, janganlah setiap perbezaan pendapat mendorong kepada pertengkaran dan persengketaan. Belajarlah mendengar, berbincang dengan tenang, mengawal kata-kata dan memberi ruang kepada pihak yang dipercayai untuk membantu.

Jemaah yang dikasihi

Bersempena Karnival Mahabbah Sulh yang dianjurkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak, mimbar ingin mengajak masyarakat memahami peranan 'Majlis Sulh' sebagai jalan penyelesaian pertikaian secara damai. Antara peranan penting Majlis Sulh adalah;

Pertama: mengangkat nilai mahabbah, iaitu kasih sayang; kaedah yang mendidik pihak yang bertikai supaya meredakan emosi, saling memaafkan dan mencari jalan terbaik.



Kedua: mengamalkan budaya musyawarah; perbincangan dilakukan secara tertutup, dari hati ke hati, dengan bantuan pegawai sulh, sekali gus mengelakkan pertengkaran terbuka yang boleh merosakkan silaturahim.

Ketiga: melindungi aib dan maruah; kerahsiaan keluarga lebih terpelihara dan pihak-pihak tidak perlu menjadikan masalah rumah tangga sebagai bahan pertikaian terbuka.

Keempat: berusaha mencapai penyelesaian yang memberi manfaat kepada kedua-dua pihak; menuntut pada sikap bertolak ansur dan kesediaan menyesuaikan tuntutan masing-masing sehingga tercapai persetujuan bersama.

Kelima: menjamin kebajikan anak-anak; hak, keselamatan dan perasaan anak-anak selepas perceraian perlu diutamakan berteraskan perundangan syariah.

Jemaah Rahimakumullah

Rasulullah SAW menunjukkan teladan sebagai pendamai dalam kehidupan keluarga. Diriwayatkan bahawa pernah berlaku perselisihan antara Sayidatina Fatimah az-Zahra RA dan Saidina Ali bin Abi Talib RA sehingga Ali keluar dari rumah dan berehat di masjid. Apabila Rasulullah SAW mengetahuinya, Baginda tidak marah, tidak menghukum dan tidak menyebelahi puteri Baginda tanpa pertimbangan.

Baginda mencari Saidina Ali RA, yang ditemui berbaring dengan tubuh dan pakaian dipenuhi debu. Dengan penuh kasih sayang, Baginda mengusap debu tersebut dan memanggilnya, “Qum, ya Aba Turab!” yang bermaksud “Bangunlah wahai Bapa Debu!” Teguran mesra itu mencairkan ketegangan dan membuka jalan perdamaian. Inilah hikmah kehadiran pendamai yang berupaya menjernihkan keadaan. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Nisa’, ayat 114:

﴿لَا خَيْرَ فِي كَثِيرٍ مِّنْ نُّجْوَاهُمْ إِلَّا مَنْ أَمَرَ بِصَدَقَةٍ أَوْ مَعْرُوفٍ أَوْ إِصْلَاحٍ بَيْنَ النَّاسِ...﴾

Maksudnya: “Tidak ada kebaikan pada kebanyakan bisikan mereka kecuali bisikan daripada orang yang menyuruh bersedekah atau berbuat kebaikan atau mendamaikan antara manusia.”

Baginda SAW bersabda:

الصُّلْحُ جَائِزٌ بَيْنَ الْمُسْلِمِينَ إِلَّا صُلْحًا حَرَّمَ حَلَالًا أَوْ أَحَلَّ حَرَامًا

Maksudnya: "Perdamaian itu diharuskan antara orang Islam, kecuali perdamaian yang mengharamkan perkara halal atau menghalalkan perkara haram."

(Riwayat al-Tirmizi)

Mimbar menyeru agar Majlis Sulh dimanfaatkan sebagai jalan perdamaian. Semoga Sulh mengembalikan mahabbah, memelihara maruah, melindungi anak-anak dan merungkai kekusutan keluarga.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, serta mengikutinya daripada kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَنْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَأَنْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَاكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbulalamin! Limpahi rahmat Mu agar negara Malaysia dan Negeri Perak Darul Ridzuan kekal aman, berdaulat dan makmur, rakyatnya hidup dalam rukun dan damai. Satukanlah hati rakyat negara ini dengan semangat ukhuwah, perpaduan dan kasih sayang. Jadikanlah kaedah Sulh sebagai wadah

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin

penyatu hati umat Islam dalam menyelesaikan sebarang pertikaian dan kemelut kekeluargaan, serta jauhkanlah kami daripada perpecahan dan persengketaan.

Ya Malikul Mulk!, Kurniai kami pemimpin yang baik; pemimpin yang dikelilingi oleh penasihat yang jujur, amanah dan berani mengingatkan apabila tersilap. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim, serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.